

GENERASI MUDA PEMACU PERUBAHAN

Oleh: Ustaz Najion Jamil

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ،

وَمَا كَانَ رَبُّكَ لِيُهْلِكَ الْقُرَىٰ بِظُلْمٍ وَأَهْلِهَا مُصْلِحُونَ ﴿١٧٧﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى رَسُولِكَ مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH!

Ketahuilah, dunia penuh dengan tipu daya yang mempesonakan. Kemuliaan di dalamnya adalah kehinaan. Penghuninya yang muda akan menjadi tua dan yang hidup akan mati. Celakalah mereka yang terpedaya dengan kehidupan dunia.

Justeru, elakkanlah diri daripada dilalaikan oleh pelbagai urusan dunia sehingga lupa membuat persiapan bekalan untuk mengadap Allah SWT. Sabda Rasulullah SAW, maksudnya: "*Rebut lima perkara sebelum datang lima perkara. Masa sihat sebelum sakit, kaya sebelum miskin, lapang sebelum sibuk, muda sebelum tua dan hidup sebelum mati*". (HR al-Hakim dan al-Baihaqi).

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH!

Generasi muda yang merangkumi golongan remaja dan belia yang berumur antara 15 hingga 40 tahun adalah cerminan pembentukan negara masa depan. Mereka adalah golongan pelapis yang akan mewarisi saf kepimpinan dalam organisasi, masyarakat dan Negara. Pada mereka jugalah yang diletakkan harapan untuk memperjuangkan serta mempertahankan maruah agama, bangsa dan negara seperti yang terungkap pada pepatah: "***pemuda harapan bangsa, pemudi tiang Negara***".

Golongan muda disifatkan sebagai harapan bangsa dan tiang negara atas kapasiti mereka yang memiliki kelebihan tertentu berbanding warga veteran. Ini kerana, secara umumnya mereka memiliki kekuatan dan kesihatan jasmani, kecerdasan minda, aktif, bersemangat dan berpotensi untuk digilap melalui pembudayaan ilmu dan kemahiran serta penyediaan ruang dan peluang untuk menonjolkan potensi diri. Faktor ini membuktikan mereka merupakan entiti yang perlu diberi perhatian mengingat bahawa tenaga belia dan beliawanis menjadi sumber penting dalam pembangunan dan kemajuan negara.

Potensi golongan muda atau belia sebagai nadi penggerak memacu proses perubahan dan transformasi memastikan Negara terus berada dalam keadaan aman, selamat dan maju sudah terserlah sejak awal zaman Islam lagi. Bermula di Makkah sehingga ke Madinah, golongan muda banyak memainkan peranan utama menjadi pelopor serta penggerak kepada kebangkitan dan perubahan masyarakat serta Negara berkat bimbingan serta tunjuk ajar Rasulullah SAW. Mus'ab bin Umair, Usamah bin Zaid, Ali bin Abi Talib, dan Bilal bin Rabah adalah antara tokoh-tokoh muda remaja yang menjadi tonggak dakwah dan ejen pembangunan dalam membina kekuatan ummah dan Negara di zaman Rasulullah SAW.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH!

Dalam Islam, melakukan perubahan atau transformasi untuk kebaikan adalah sesuatu yang dituntut dalam usaha membangun ummah dan negara yang maju, dinamik dan berintegriti. Ia selaras dengan peredaran masa yang pantas berlalu seiring dengan keperluan manusia yang semakin bertambah dan beraneka. Ini secara tidak langsung menuntut kita supaya menjadi lebih dinamik, progresif, aktif dan berfikiran terbuka dalam melakukan perubahan bertujuan memperbaiki lagi amal dan taraf kehidupan.

Firman Allah:-

فَإِذَا فَرَغْتَ فَانصَبْ وَإِلَىٰ رَبِّكَ فَارْغَبْ ﴿٧٨﴾

Maksudnya: *"Kemudian apabila engkau telah selesai (daripada sesuatu amal soleh), maka bersungguh-sungguhlah engkau berusaha (mengerjakan amal soleh yang lain). Dan kepada Tuhanmu sahaja hendaklah engkau memohon (apa yang engkau gemar dan ingini)." (S. Al-Insyirah: 7-8).*

Sehubungan dengan perintah Allah SWT tersebut, generasi muda hari ini harus mempunyai semangat serta iltizam yang kuat untuk membawa perubahan memacu transformasi bagi menggerakkan taraf hidup ummah dan pembangunan Negara ke tahap yang lebih baik demi kesejahteraan bersama. Bagi menyahut saranan ini, para belia dan beliawanis mestilah bersedia dari segi sahsiah emosi dan minda untuk meningkat penguasaan ilmu dan kemahiran dalam pelbagai bidang di samping mengelak diri daripada terjebak dengan kegiatan-kegiatan yang ditegah agama seperti penyalahgunaan dadah, seks bebas, judi, rasuah, hedonisme dan sebagainya. Ini tentunya memerlukan kepada pendekatan pendidikan holistik yang memperkasa aspek rohani, jasmani, emosi sahsiah dan akli secara seimbang.

Dalam erti kata yang lain, pendidikan yang diterapkan kepada golongan muda harus berupaya membentuk sahsiah, jati diri, pemikiran yang sihat dan mampu menyediakan serta mentransformasi mereka sebagai warga yang berkualiti dan berketrampilan dari segala aspek bagi mewarisi tanah air tercinta ini. Pendekatan serupa ini juga selari dengan usaha mewujudkan generasi yang cintakan ilmu yang seterusnya melahirkan golongan pemikir, penggubal dasar, pelaksana dan pemimpin yang berkaliber dan berwibawa bagi memacu Negara ke tahap yang lebih baik serta diredai Allah SWT.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH!

Yang penting, kita tidak lalai dan berputus asa dalam memberikan asuhan dan bimbingan sewajarnya kepada golongan muda yang sebahagiannya merupakan anak-anak dan kaum kerabat kita sendiri. Kita selaku ibu bapa mahupun guru atau pemimpin harus proaktif dan kreatif mencorakkan sahsiah, sikap dan daya fikir serta akhlak mereka berlandaskan petunjuk al-Quran dan as-Sunnah seperti mana yang dituntut oleh Islam. Ia mampu memberikan kesan mendalam kepada golongan muda-mudi kerana mereka berkeupayaan untuk mencerap dengan mudah apa sahaja bentuk pendidikan yang diajar dan diterapkan kepada mereka jika kena gaya dan caranya.

Berdasarkan kepada perangkaan penduduk Malaysia tahun 2010, 41.5 peratus penduduk negara ini adalah golongan muda yang berusia di bawah 40 tahun. Kalau separuh daripada jumlah ini dapat berperanan sebagai pencetus perubahan yang Islami sudah pasti kita berupaya menjadi sebuah Negara yang kuat dan hebat di persada antarabangsa. Namun, dengan jumlah yang ramai tetapi tanpa memiliki nilai dan kualiti yang diharapkan tidak akan membawa kita ke mana-mana.

Oleh hal yang demikian, pembinaan generasi muda yang berkualiti tinggi yang akan mewarisi tanah air tercinta ini hendaklah diberi perhatian yang sewajarnya dalam agenda pembangunan Negara. Pembangunan modal insan seperti mana yang diuar-uarkan oleh kerajaan mestilah dijayakan bersungguh-sungguh oleh semua pihak. Tanpa kesungguhan yang jitu maka tidak mungkin keinginan kita untuk melihat golongan pelapis dan pewaris yang kuat dan berkemampuan lahir untuk menghadapi cabaran hari depan. Kejayaan membina masa depan yang lebih baik dan cemerlang banyak bergantung kepada keupayaan generasi muda masa kini dalam mencerap ilmu, kemahiran serta daya kepemimpinan yang cemerlang.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH!

Kita bersyukur kerana kini telah muncul pemimpin-pemimpin muda yang berilmu, memiliki daya strategik yang tinggi di samping pekerti teladan yang baik serta mempunyai wawasan memajukan ummah. Adalah diharapkan agar bakat kepimpinan golongan muda dalam apa jua organisasi perlu digilap sebagai persediaan masa hadapan dan bukannya dibunuh dan dicantas. Beri ruang dan peluang kepada mereka untuk menonjolkan keupayaan masing-masing kerana sesungguhnya golongan muda yang beriman, berilmu dan berkemahiran tinggi insaf akan peranannya untuk terus berusaha mempertingkatkan kecemerlangan diri bagi memberi khidmat bakti yang terbaik kepada organisasi, masyarakat dan negara. Untuk itu, potensi kepimpinan golongan belia perlu digilap secara menyeluruh bagi mencorak kepimpinan dan kepengikutan yang cemerlang.

Pada masa sama, pemimpin-pemimpin muda dan pemimpin-pemimpin baru muncul diharap tidak gelojoh mengejar pangkat dan kedudukan dalam apa jua organisasi yang dianggotai. Apa yang lebih penting dan utama diberikan perhatian adalah memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan membawa perubahan yang bermanfaat di samping bersedia menerima nasihat dan teguran secara positif.

Dengan kata lain, jika belia hari ini tidak mahu rebah, mereka mesti berubah, berubah daripada keadaan baik sekarang ini kepada yang lebih baik. Yang masih mencari-cari erti kehidupan hendaklah mula melakukan tindakan perubahan yang perlu. Ini kerana belia kreatif, berinovasi, berdaya saing dan bertenaga menjadi tuntutan masa kini yang mana nilai-nilai berkenaan seharusnya dimiliki oleh generasi muda hari ini.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH!

Hakikatnya, belia hari ini mempunyai peranan serta tanggungjawab teramat besar dalam menjana pembangunan mencemerlangkan agama, bangsa dan negara. Di samping menyumbang idea, masa dan tenaga merencana pencapaian lebih hebat daripada pemimpin hari ini, para belia juga berkewajipan membina dan membangun jati diri dari segi akhlak, ilmu, sahsiah, iman, taqwa, ibadah, rohani dan jasmani supaya berupaya menampilkan gaya dan budaya hidup sihat untuk dicontohi oleh masyarakat. Kekuatan rohani dan ilmu juga membolehkan golongan belia melakukan transformasi dalam menggalas tuntutan menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, sebagaimana yang dianjurkan oleh Allah SWT melalui firman-Nya:-

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٤﴾

Yang bermaksud: *“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan, dan menyuruh segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah. Dan mereka yang berbuat demikian ialah orang yang berjaya.”* (S. Ali-Imraan: 104).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Disediakan oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah